

# SIARAN AKHBAR

## TEMPOH PENUKARAN STATUS AKAUN KANAK-KANAK KE DEWASA DILANJUTKAN

**KUALA LUMPUR, 26 November 2021** – Ekoran maklumbalas dan permintaan ramai, Lembaga Tabung Haji (**TH**) sukacitanya melanjutkan tempoh penukaran status akaun kanak-kanak kepada akaun dewasa daripada 1 Disember 2021 kepada 1 Mei 2022.

Menurut Mohamed Ameen Abd Wahab, Pengurus Besar Digitalisasi Perniagaan Menanggung Tugas Pengarah Eksekutif Operasi **TH**, **TH** amat peka dengan maklumbalas pendeposit yang masih memerlukan masa untuk penukaran status akaun kanak-kanak kepada akaun dewasa.

**TH** memutuskan untuk melanjutkan tempoh penukaran status akaun kanak-kanak ke akaun dewasa bagi memberi peluang kepada para pendeposit yang berumur 18 tahun ke atas dan penjaga yang tidak berkesempatan sebelum ini untuk melakukan proses tersebut di cawangan-cawangan **TH** yang berdekatan.

Pertukaran akaun kanak-kanak ke akaun dewasa perlu dilaksanakan seperti yang termaktub dalam terma dan syarat pembukaan akaun **TH**, di mana penjaga hanya boleh mentadbir akaun kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun sahaja. Penjaga hendaklah menukar akaun kanak-kanak kepada akaun dewasa apabila kanak-kanak tersebut mencapai umur 18 tahun. Langkah penukaran ini diambil bagi memastikan semua akaun pendeposit yang mencapai 18 tahun diuruskan oleh pendeposit itu sendiri dan rekod maklumat serta biometrik pendeposit berumur 18 tahun tersebut dikemaskini.

Walaupun bagaimanapun, **TH** akan melaksanakan proses pembekuan transaksi pengeluaran sekiranya pendeposit gagal menukar status akaun pada 1 Mei tahun hadapan. Status *link* akaun di antara akaun penjaga di bank dan akaun kanak-kanak di **TH** akan terbatal serta pendaftaran haji juga tidak dapat dilakukan.

Para pendeposit perlu memastikan akaun **TH** kekal berstatus aktif, untuk terus menikmati manfaat menyimpan di **TH** seperti simpanan dijamin kerajaan, menerima agihan keuntungan, zakat ditunaikan, patuh syariah, dikecualikan cukai pendapatan dan boleh juga turut serta dalam pelbagai kempen yang dijalankan **TH**.

### **-Tamat-**

#### **LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai lebih 58 tahun pengalaman, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Pusat Panggilan **TH** (THCC) di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:affan.aimaduddin@lth.gov.my">affan.aimaduddin@lth.gov.my</a>	<b>Mohamad Naser Jaffar</b> Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:naser@lth.gov.my">naser@lth.gov.my</a>
--	---